

22

~~25/1~~  
~~19/79~~

**UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONN, TIMBALAN  
PERDANA MENTERI KEPADA PESERTA-PESERTA  
KURSUS JAWATANKUASA KEMAJUAN KAMPUNG  
DI SEREMBAN PADA HARI SELASA, 20HB  
NOVEMBER, 1973 JAM. 4.30 PETANG.**

*Di Dewan Latihan Haman,  
Jalan Sikamat Seremban*

Saudara Pengerusi Majlis,

YAB Datuk Mansor Osman  
Menteri Besar Negeri Sembilan,

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

1. Dengan izin Allah, pada petang ini, saya dapat melawat Negeri Sembilan, khasnya tempat ini dalam satu bidang lawatan bertugas. Saya berharap lawatan ini akan dapat saya ikuti dengan satu lawatan resmi yang lebih menyeluruh pada satu ketika yang akan datang. Oleh yang demikian, saya berasa amat gembira dapat bersama tuan-tuan dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak

penganjur kursus Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini yang telah sudi menjemput saya untuk berucap sepatah dua kata dan seterusnya meresmikan Kursus ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Memanglah menjadi matalamat dan harapan kita sebagai individu, masyarakat dan negara ialah untuk maju, mencapai kejayaan hidup dalam semua bidang dan seterusnya menuju ke arah pembinaan sebuah masyarakat Malaysia yang adil dan saksama. Dan inilah juga menjadi hasrat Kerajaan yang memerintah. Tetapi, dalam usaha-usaha menuju ke arah itu, kita merasakan bahawa kerjasama rapat antara Kerajaan dan rakyat sangat-sangat diperlukan.

Segala rancangan Kerajaan biar kecil sekalipun tidak akan berjaya sekiranya rakyat tidak sama-sama melibatkan diri dalam pelaksanaannya. Demikian jugalah halnya dengan Kerajaan. Ia tidak dapat memerintah tanpa kerjasama dan sokongan rakyat.

3. Sebagaimana yang kita maklum, Rancangan Malaysia Kedua telah berjalan selama tiga tahun. Dan selama itu jugalah Kerajaan telah cuba melaksanakan dasar ekonomi baru. Kejayaan lahiriah yang dicapai, secara keseluruhannya, bolehlah dikata memuaskan, tetapi kejayaan dari aspek menyusun semula masyarakat belum boleh kita banggakan.

Dengan itu, apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah supaya tuan-tuan semua sedar akan tanggung jawab kita bersama untuk mencapai matalamat ini, oleh sebab Kerajaan itu ialah rakyat dan rakyat itu Kerajaan.

4. Selaras dengan matalamat itu, Kerajaan telahpun menyediakan banyak peluang-peluang menerusi pertubuhan-pertubuhan seperti MARA, Pernas, Perbadanan Kemajuan Negeri, UDA, FIMA, Perbadanan Majuikan, Pertubuhan Peladang dan lain-lain lagi. Tetapi, semua ini tidak akan mencapai kejayaan yang diharapkan sekiranya rakyat tidak mahu tampil ke hadapan merebut peluang-peluang itu.

5. Kerajaan masih belum puas hati lagi dengan penyertaan rakyat terutamanya yang tinggal di kampung-kampung dalam usaha-usaha pembangunan dan mengambil peluang dari kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Atas hakikat inilah, maka YAB Perdana Menteri telah melancarkan Gerakan Pembaharuan sebagai satu cara baru dalam strateji mendapatkan penyertaan rakyat dalam usaha-usaha Pembangunan, terutama sekali pembangunan sektor luarbandar. Untuk memajukan sektor itu, kita perlu memperkuatkan jentera pentadbiran di peringkat tersebut iaitu Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Tuan-tuan sebagai ahli Jawatankuasa semestinyalah memperkukuhkan semangat ingin maju dan

mempergiatkan usaha untuk mencapai kejayaan.

Dengan pergaulan tuan sehari-hari, dengan pimpinan dan panduan, saya yakin tuan dapat mempengaruhi pemikiran dan sikap penduduk-penduduk di kampung-kampung untuk sama-sama mara ke hadapan.

6. Dengan terlancarnya Gerakan Pembaharuan, arahan-arahan telah dikeluarkan. Jawatankuasa Kemajuan Kampung dipulihkan kerana sudah pasti Jawatankuasa ini dapat menjadi perantaraan antara rakyat dan Kerajaan. Jawatankuasa ini juga seharusnya memberi pimpinan kepada penduduk kampung. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung selama ini sangatlah dihargai dan diharapkan di masa-masa akan datang usaha itu akan dilipatgandakan.

7. Dalam menumpukan perhatian kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung tidak ketinggalan saya menyeru pihak-pihak pegawai-pegawai Kerajaan supaya sentiasa berdamping rapat dengan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan memberi bimbingan kepada mereka. Saya sendiri akan juga mengambil tahu tentang perjalanan-perjalanan Jawatankuasa-jawatankuasa itu menerusi pegawai-pegawai di peringkat Negeri dan Daerah.

8. Saya diberitahu bahawa di Negeri Sembilan ini terdapat 184 buah Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Untuk membimbing kesemua Jawatankuasa ini tentulah memerlukan tenaga yang banyak.

Bagi maksud ini, Kerajaan sedang menubuhkan jawatan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat di tiap-tiap daerah yang ditugaskan khusus menyelaraskan aktiviti Pembangunan, di samping memberi petunjuk kepada ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung tentang cara menyelesaikan masalah pembangunan. Dengan yang demikian, sukacitalah kiranya tuan-tuan sentiasa berhubung dengan pegawai-pegawai tersebut dan bekerjasama dalam melaksanakan segala projek pembangunan.

9. Inginlah saya menegaskan bahawa soal kerjasama amatlah mustahak sekali dan di sini saya hendak menarik perhatian tuan-tuan mengenai pertalian antara ahli Jawatankuasa

Kemajuan Kampung dengan ahli politik serta pegawai-pegawai Kerajaan. Dalam hal pembangunan, politik memang tidak dapat dipisahkan sama sekali. Tetapi, unsur politik hendaklah diamalkan dalam semangat berbaik-baik sangka. Ahli politik tempatan patutlah menyedari bahawa sekiranya politik digunakan sebagai alat mencari keuntungan persendirian, maka sudah tentu perpaduan dan usaha rakyat akan berpecah-belah. Ini adalah tidak diingini sama sekali. Oleh yang demikian, dalam masalah Kemajuan Kampung serta perbincangan Jawatankuasanya, saya berharap benar-benar supaya politik dibenarkan dan hendaklah berusaha untuk kebaikan bersama.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Salah satu prinsip penting dalam Gerakan Pembaharuan ialah pembaharuan cara kita berfikir dan pembaharuan dalam cara bertindak. Dalam semua aspek pembangunan, prinsip ini hendaklah sentiasa dipraktikkan samada dari segi ekonomi, pelajaran atau kesihatan. Sekiranya kita mahukan kejayaan, maka kita perlu membaharui cara hidup sesuai dengan aliran zaman. Ini bermakna kita perlu menukar keutamaan hidup selaras dengan kehendak masyarakat moden yang sentiasa berlumba-lumba mencapai kejayaan. Untuk menanam perasaan ini, beberapa rancangan telah diatitkan.

Diantaranya ialah rancangan pertandingan kemajuan antara kampung. Matalamat pertandingan ini bukanlah untuk merebut hadiah, sebaliknya ialah untuk memberi kesedaran kepada penduduk-penduduk kampung supaya mereka tidak hanya mementingkan keperluan jangka-pendek kerana akibatnya mereka akan jauh tertinggal di belakang dibanding dengan penduduk sektor bandar. Pertandingan itu tidak sepatutnya habis di situ sahaja, tetapi haruslah berterusan atas "initiative" atau dayausaha tuan-tuan sendiri. Pertandingan yang bakal diadakan itu sepatutnya dianggap sebagai titik permulaan sahaja. Rancangan-rancangan berikutnya hendaklah difikir dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung itu sendiri.

Sebenarnya inilah hasil yang diharapkan dari strateji Gerakan Pembaharuan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Kursus-kursus yang diadakan seperti ini, antara lain, ialah untuk meluaskan lagi bidang pemikiran kita semua untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang ada di peringkat kampung. Kursus ini tidak semestinya berakhir di sini sahaja. Ini hanya merupakan satu usaha mencapai matalamat yang lebih tinggi dan lebih meluas supaya apabila tuan-tuan kembali ke kampung, tuan-tuan akan bersedia untuk memikul satu tanggungjawab baru ke arah kemajuan.


Saya berharap tuan-tuan akan menganggap kursus ini sebagai satu acara penting yang dapat membantu tuan dalam melaksanakan tanggungjawab tuan dan seterusnya mengubah cara berfikir masyarakat.

12. Sekembalinya dari kursus ini kelak, sukalah saya mengesyorkan supaya tuan-tuan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan saya berharap, tuan-tuan akan menggunakan mesyuarat itu sebagai satu majlis di mana perbincangan akan dijalankan, bukan hanya untuk membuat permohonan-permohonan kepada Kerajaan, tetapi akan membincangkan cara mana Jawatankuasa itu dapat bertindak walaupun tidak ada bantuan dari Kerajaan.

Inilah semangat yang diharapkan dari tuan-tuan dan patut disuburkan.

13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Berkursus kepada tuan-tuan sekalian dengan harapan supaya dapat kita bersama menumpukan perhatian kepada perbincangan yang akan dijalankan dan seterusnya memperolehi faedah dari kursus ini.

14. Marilah kita menggembeling usaha untuk maju.





No. Siri	575
No Penerimaan	85/79